

Kampus cawangan Uniten di Muadzam Shah

UM 2 APR 2001

MUADZAM SHAH 1 April — Kampus cawangan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) akan ditempatkan di Muadzam Shah dengan menggunakan kemudahan infrastruktur yang telah dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA).

Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis berkata, keputusan itu dibuat memandangkan prasarana yang masih ada setelah penutupan DARA beberapa tahun lepas masih boleh dimanfaatkan dan ia telah dipersetujui oleh kerajaan negeri Pahang.

“Kita berhasrat supaya Uniten mempunyai dua kampus iaitu kampus utama di Kuala Lumpur untuk jurusan kejuruteraan manakala di Pahang pula menawarkan jurusan penguasaan dan perakaunan,” katanya kepada pembanta di sini.

Beliau berkata pengambilan pertama seramai 300 pelajar akan dimulakan Jun ini dengan menggunakan kemudahan bangunan-bangunan Pejabat DARA, Felda dan beberapa agensi lain yang kini telah dikosongkan.

Katanya, dalam masa lima tahun, kampus cawangan itu boleh menempatkan

sehingga 3,000 pelajar yang mengikuti program diploma dan ijazah pertama.

Dr. Jamaluddin, yang juga anggota Parlimen Rompin berkata, pembukaan cawangan universiti itu dapat merangsang pertumbuhan ekonomi di Muadzam Shah dan kawasan persekitarannya selain memberi peluang kepada pelajar luar bandar melanjutkan pendidikan di pusat pengajian tinggi.

“Kita merasakan sekiranya RM100 juta dilaburkan di Kuala Lumpur, kesannya tidak begitu baik berbanding jika jumlah pelaburan yang sama dibuat di luar bandar untuk dinikmati oleh lebih banyak lapisan masyarakat,” katanya.

Katanya, pada peringkat pertama, TNB akan membelanjakan RM50 juta untuk mengubahsuaikan bangunan sedia ada untuk dijadikan kuliah dan asrama manakala fasa kedua pembangunannya merangkumi pembinaan bangunan kuliah serta asrama yang baru.

Perasmian Uniten cawangan Muadzam Shah itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad secara persidangan video di Kuala Lumpur pada 11 Mei ini. — Bernama